

Headline	Catatan mahasiswa diserang samseng di Pekan		
MediaTitle	Malaysiakini(www.malaysiakini.com)		
Date	16 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	100
Order Rank	1	Readership	6
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,600
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,800

Catatan mahasiswa diserang samseng di Pekan

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8186854365&z=1600249637](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8186854365&z=1600249637)

Headline	Catatan mahasiswa diserang samseng di Pekan		
MediaTitle	Malaysiakini(www.malaysiakini.com)		
Date	16 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	100
Order Rank	1	Readership	6
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,600
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,800

ULASAN Pada 15 Februari 2013, sekitar jam 11 pagi, seramai 50 orang mahasiswa Gerakan Mahasiswa PRU 13 (GM13) menuju ke Sungai Miang, DUN Peramu Jaya untuk menjalankan aktiviti ziarah mesra bersama penduduk di sana dan aktiviti edaran Surat Harapan Mahasiswa. Namun, kami telah dihalang oleh penduduk kampung dengan sekatan jalan raya dan pihak kami tidak dibenarkan daripada memasuki kawasan Sungai Miang. Walaupun rundingan telah dibuat beberapa kali, namun mereka tetap berkeras untuk tidak membenarkan pihak kami daripada memasuki kawasan Sungai Miang. Oleh demikian, pihak kami akur dengan keputusan itu untuk beredar secara damai. Sekitar jam 2 petang selepas solat Jumaat, kami telah mengedarkan risalah kepada masyarakat di Masjid Ketapang, Masjid Kg Padang Polo dan Masjid Besar Pekan Lama. Kami dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk mengedar Surat Harapan Mahasiswa dan risalah mahasiswa ke tiga masjid tersebut. Tiada sebarang provokasi dan kekacauan yang berlaku, malah masyarakat di masjid tersebut menerima dengan baik risalah yang kami edarkan dan mereka turut memberi kata-kata semangat kepada kami semua. Edaran risalah berjalan dengan lancar di semua masjid tersebut. Selepas itu, sekitar jam 3 petang, kami berkumpul berpusat di Masjid Besar Pekan Lama untuk terus menuju ke bangunan Mara, berhadapan dengan Pasar besar bandar Pekan. Kami dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk mengedar risalah mahasiswa dan Surat Harapan Mahasiswa kepada penduduk setempat. Salah satu kumpulan kami yang terdiri daripada Adam Adli, Mohd Bukhairy, Shukri Kamarudin dan beberapa yang lain telah ditahan oleh beberapa individu yang tidak dikenali yang dilihat datang dari Bangunan Umno bahagian Pekan dan salah seorang daripada mereka memakai baju yang tertera 'Pejabat Ahli Parlimen Pekan' dan berlogo 1sia. Risalah kami telah dirampas, lalu mereka terus membakar risalah yang dirampas itu dan mereka meninggikan suara kepada kami. Mereka juga menarik serta mencekik Adam Adli secara kasar. Kami tidak diberi ruang untuk menerangkan idea dan agenda kami, malah telefon bimbit dan kamera kami turut cuba dirampas ketika kami ingin merakamkan kejadian yang berlaku. Kami terus ditengking dan dihalau oleh mereka dengan kata-kata, Jangan hina PM kami!!! Kemudian kami semua berkumpul dihadapan bangunan kedai yang berdekatan dengan Pasar Besar Pekan. Dua orang mahasiswa iaitu Mohd Alif Asyraf dari UPSI dan Ahmad Saufi dari KUIS telah dirampas dompetnya. Mereka dengan jumlah hampir 100 orang telah mengepung, memaki dan menjerit di hadapan kami, mendesak kami untuk terus balik ke Kuala Lumpur dan mengeluarkan kata-kata kesat seperti ini tempat PM kami, kami akan jaga dan kawal tempat ini. Korang semua boleh berambus!. Selepas itu, beberapa orang mahasiswi, antaranya Fatehah Ahmad dari UPM dan Noor Afifah Jamaludin dari UM telah ditarik tudung dan baju mereka oleh samseng tersebut untuk merampas risalah yang ada pada tangan mereka. Kehadiran dua orang anggota polis, tidak mampu membuat apa-apa. Ekhsan Bukharee dari Unisel dan Sheikh Omar dari UniKL turut dikasari dengan ditumbuk di bahagian kepala dan di tendang di kaki oleh beberapa orang samseng yang dilihat datang secara berkumpulan dari Bangunan Umno Bahagian Pekan yang berada berhampiran dari tempat kejadian. Salah seorang daripada mereka juga telah mengarahkan kami untuk membuka salah sebuah kereta siswa yang telah diekori mereka dan mereka telah merampas dua buah kotak risalah serta Surat Harapan Mahasiswa dan semua risalah serta surat tersebut telah dibakar oleh mereka. Kami terus didesak untuk keluar dari Parlimen Pekan dan mereka terus nekad untuk mendesak kami keluar dari Pekan pada hari ini juga. Aku tak nak tengok kau kat Pekan ni lagi, berambus bodoh! kata salah seorang dari mereka. Selepas dikepung oleh samseng-samseng itu selama hampir dua jam, maka kami terus bergegas ke tempat penginapan sambil diekori oleh mereka. Sejurus tiba di tempat penginapan di Madrasah al Husna, Bandar Pekan, tempat penginapan kami terus dikepung oleh mereka dengan anggaran 10 buah kereta dan jalan keluar-masuk ke kawasan tersebut juga telah disekat dan mereka tetap menginginkan kami untuk keluar

Headline	Catatan mahasiswa diserang samseng di Pekan		
MediaTitle	Malaysiakini(www.malaysiakini.com)		
Date	16 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	100
Order Rank	1	Readership	6
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,600
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,800

dari Pekan pada waktu itu juga. Selepas kami melakukan perbincangan bersama masyarakat setempat yang banyak membantu kami selama kami berada di Pekan, kami mengambil keputusan untuk terus balik ke Kuala Lumpur kerana kkuatirkan keselamatan siswa-siswa yang telah diserang oleh samseng selama empat hari berturut-turut selama kami berada di Parlimen Pekan dan mengambil langkah berjaga-jaga kerana kkuatir sesuatu yang lebih buruk akan berlaku kerana samseng-samseng yang menyerang kami telah memberi amaran untuk melakukan sesuatu yang lebih buruk jika kami tidak keluar dari kawasan Parlimen Pekan. Kami bertolak balik ke Kuala Lumpur dengan menaiki bas persiaran dan dua buah kereta mahasiswa sambil diiringi oleh dua buah kereta peronda polis dan hampir 10 buah kereta penduduk setempat pada sekitar jam 10 malam. AHMAD SHUKRI KAMARUDIN adalah Setiausaha Media Solidariti Mahasiswa sia (SMM). Artikel ini pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian rasmi siakini.